

BULETIN MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR

EDISI KEDUA 2022



PERUTUSAN
YDP MPP

m.s. 1

GALA NIGHT
PMBS 2022

m.s. 19

BULETIN MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR

Edisi Kedua, 2022

Copyright © Politeknik METrO Betong Sarawak
e ISSN: 2948-4669

<https://www.pmbs.edu.my/v3/index.php/muat-turun/penerbitan/category/22-e-bulletin?download=126:buletin-majlis-perwakilan-pelajar-edisi-ke-2>

Diterbitkan oleh:

Politeknik METrO Betong Sarawak

**1-12, Fasa 2, Bandar Baru Betong Jalan Baru Betong,
95700, Betong, Sarawak**

Isi Kandungan

PERUTUSAN YDP MPP



1

VISI DAN MISI



2

PENGENALAN MPP



3

OBJEKTIF UTAMA MPP



4

DARI MEJA REDAKSI



5

SOROTAN MPP



6

Perutusan Yang Di Pertua MPP

Salam Sejahtera dan Salam PMBS

Saya merakamkan setinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada pihak pengurusan Politeknik METrO Betong Sarawak dan pihak yang menggalas tugas dalam menerbitkan E-Buletin ini kerana memberi ruang untuk saya mencoretkan sepatah dua kata dalam E-Buletin ini. Tahniah diucapkan kepada pihak yang terlibat secara langsung dan tak langsung dalam menjayakan E-Buletin PMBS edisi kedua ini .

Penerbitan E-Buletin ini merupakan salah satu usaha pihak PMBS dalam merancang dan melaksanakan kepelbagaian agenda yang dimanifestasikan sebagai dokumentasi makluman dan sumber rujukan semua warga PMBS dan pihak yang berkepentingan. E-Buletin ini merupakan wadah yang amat penting dalam memupuk semangat

kecintaan yang tinggi terhadap Politeknik METrO Betong Sarawak serta penerapan watak dan budaya PMBS dalam kalangan warganya. Hasil kerja keras daripada pihak pengurusan, pensyarah dan mahasiswa dapat dipahat didalam E-Buletin edisi pertama sehingga ke edisi kedua ini bagi menghargai hasil titik peluh semua pihak yang bertungkus lumus dalam memastikan PMBS terus meniti arus kemajuan.

Semua warga PMBS memainkan peranan yang penting dalam menggalas Misi dan Visi yang digubal oleh Politeknik Malaysia untuk melahirkan Mahasiswa dan Mahasiswi yang berkualiti dan berdaya saing. Oleh kerana itu, terbentuknya Majlis Perwakilan Pelajar PMBS yang membantu dalam menjaga dan menjalankan amanah yang telah dipercayakan oleh semua pihak PMBS. Pelbagai aktiviti dan program telah dijalankan bagi memastikan PMBS dipenuhi dengan warna warni kehidupan menjadi mahasiswa institut Pengajian Tinggi. "One Team, One Mission" itulah laungan kami sebelum dan selepas menjalankan tanggungjawab dan amanah yang diberikan terhadap kami. Saya mewakili keseluruhan ahli Majlis Perwakilan Pelajar PMBS bagi sesi 2022 berasa bangga dapat berkhidmat untuk semua Pensyarah dan Mahasiswa.

Akhir kata, sekali lagi saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada jawatankuasa E-Buletin dan pihak pengurusan, pensyarah, penasihat MPP dan rakan seperjuangan MPP saya. Semoga E-Buletin ini dapat memberi manfaat kepada pembaca.

Sekian, Terima Kasih



SHAMZLY NORMAN ANAK
FRANKLY LAWRENCE

Visi

Melahirkan bakal pemimpin yang holistik dalam pelbagai aspek serta mampu memenuhi keperluan pengalaman kampus secara menyeluruh.

Misi

Mendukung nilai berintegriti dan berdedikasi dalam aspek pengurusan pembangunan, perkhidmatan, dan pengurusan strategik pelajar.

Pengenalan Majlis Perwakilan Pelajar

Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) bertindak mewakili pelajar dalam segala hal dan menyuarakan isi hati dan pandangan pelajar kepada institusi. MPP juga bertanggungjawab dalam membantu melahirkan pelajar yang cemerlang dalam aspek kemahiran, akademik, sukan, dan sebagainya.

Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) ditubuhkan dalam membangunkan personaliti dan idea seorang pemimpin dalam kalangan pelajar. MPP dibentuk melalui pembelajaran pengurusan, kepimpinan, pelaksanaan aktiviti, etika majlis dan motivasi bagi membolehkan mereka mempunyai nilai tambah yang berbeza berbanding pelajar lain.

Selain itu, MPP mempunyai peranan membantu pihak pengurusan dalam mengenalpasti keperluan dan kebajikan pelajar. Tambahan pula, MPP bertindak menghidupkan suasana kolej dengan pelbagai agenda dan aktiviti untuk pelajar.

Objektif Utama MPP

- Melahirkan barisan pemimpin pelajar yang berwibawa.
- Membantu pelajar mendapatkan kemudahan di samping memaksimumkan penggunaan kemudahan sedia ada.
- Berusaha mempelbagaikan aktiviti pelajar.
- Menggalakkan penyertaan aktif pelajar dalam perlaksanaan setiap aktiviti yang dirancang.
- Menyalurkan segala permasalahan dan cadangan berhubung kebajikan pelajar kepada pihak pengurusan.

DARI MEJA REDAKSI

PENASIHAT



Ribuan terima kasih kepada pelajar yang berkaliber tinggi serta cakna bagi menjayakan penerbitan majalah MPP Edisi 2 ini. Usaha dan kerjasama anda semua amat dihargai dan akan diingati.

PUAN SITI SYUHAILA BINTI ZAHARI

Terima kasih yang tak terhingga kepada semua pihak yang terlibat dalam penerbitan E-Buletin MPP ini. Kami (MPP) sangat berbangga kerana dapat memberi jasa dan tenaga kepada PMBS yang kami sanjungi. Saya berharap coretan dalam E-Buletin MPP ini dapat menjadi rujukan dan panduan kepada pihak yang memerlukan.

SHAMZLY NORMAN ANAK FRANKLY LAWRENCE

PENULIS



Salam sejahtera dan Salam Malaysia Madani. Puji syukur kepada Tuhan yang Maha-Esa atas limpah rahmat dan karunia Nya sehingga terhasilnya Buletin MPP Edisi Kedua ini. Kami sentiasa berusaha menyajikan informasi yang bermanfaat, menarik, dan meningkatkan daya minat baca masyarakat dengan harapan ia dapat memotivasi diri untuk masa depan yang cemerlang.

ENCIK GREGORY EVAN ANAK NANSON

EDITOR



Syukur ke hadrat Ilahi, berkat kerjasama daripada semua pihak E-Buletin MPP ini berjaya dihasilkan sebagai pengiktirafan sumbangan daripada MPP dalam melancarkan aktiviti pelajar dan sekaligus menjadi tulang belakang PMBS.

PUAN JESSICA BINTI JAWA

EDITOR



TERBITAN & EDARAN



Kerjasama yang berterusan menghasilkan buah yang mengharumkan; begitu juga kita yang menghasilkan buletin MPP ini. Terima kasih semua.

PUAN EVELYN ANAK FRANKLING TEGIK

Menulis cerita itu tidak sulit tetapi tidak mudah juga. E-Buletin ini hasil usaha MPP yang kami cuba sampaikan dalam bentuk yang menarik dan mudah di akses untuk bacaan semua.

CIK AFIFAH BINTI BOLHASSAN

GRAFIK & SENI REKA



PROGRAM SAMBUTAN HARI BELIA NEGARA PERINGKAT BETONG 2022



Pada 13 Ogos 2022, Politeknik METrO Betong Sarawak dengan kerjasama Kementerian Belia Sukan Bahagian betong telah menganjurkan Hari Belia Negara Peringkat Betong pada 13 Ogos 2022. Sehubungan dengan itu, Majlis Perwakilan Pelajar PMBS telah diberi amanah untuk turut serta mengendalikan dan menyempurnakan program ini bagi melicinkan perjalanan program tersebut. Hari Belia telah disambut bagi memberi penghargaan dan pengiktirafan daripada pihak kerajaan kepada golongan belia yang menyumbang kepada pembangunan negara, memberi semangat dan meningkatkan kesedaran kepada golongan belia di kala negara dan dunia dilanda pandemik, dan menaikkan semangat kecintaan serta patriotism kepada golongan belia supaya terus menyumbang kepada pembangunan masyarakat dan negara. Selain itu, sambutan Hari Belia juga menyediakan platform strategik kepada pemegang taruh untuk menyumbang kepada pembangunan belia.

Sempena sambutan Hari Belia tersebut, terdapat pelbagai kursus yang ditawarkan bagi menarik minat para belia. Antaranya ialah Kursus Asas Penghasilan Poster Digital Melalui Canva, dan Kursus Asas Pemasaran Digital Melalui Shopee. Terdapat juga pertandingan serta aktiviti lain diadakan, seperti sukaneka, pertandingan mereka poster, pertandingan Tik Tok, aktiviti mengunting rambut, pemeriksaan saringan kesihatan, aktiviti senaman cergas, dan Family Run Betong.

Secara keseluruhannya, sambutan ini dapat dilaksanakan dengan baik. Kerjasama antara Majlis Perwakilan Pelajar, urusetia, pensyarah dan agensi luar yang terlibat dalam usaha menjayakan sambutan ini melicinkan lagi aktiviti yang dirancang. Hasil analisa tersebut menunjukkan bahawa program yang dijalankan berkesan kepada yang menghadiri program tersebut. Ini dapat dirujuk daripada jumlah peratusan yang terperoleh daripada maklum balas beberapa orang peserta. Selain dapat mengeratkan hubungan silaturahim antara masyarakat, program ini juga memberi kesan yang positif dengan menaikkan semangat kecintaan dan patriotism dikalangan belia dengan menyumbang kepada pembangunan negara. Program ini turut memberi semangat dan meningkatkan kesedaran belia bahawa golongan belia masih diberi perhatian kepada kerajaan. Hal ini kerana sambutan hari belia yang diadakan ini menandakan penghargaan serta pengiktirafan kepada golongan belia dalam negara oleh kerajaan.

SEKITAR AKTIVITI



Aktiviti **Family Run Betong** dan aktiviti **Walk For Life** diadakan pada waktu pagi bagi meningkatkan stamina para peserta.



Aktiviti Senaman Cergas dilakukan sebelum sambutan dimulakan.



Persembahan Waja Diri dipersembahkan oleh pelajar daripada Maktab Rendah sains Mara (MRSM), Betong.

PERTANDINGAN VIDEO KREATIF SEMPENA HARI MALAYSIA TAHUN 2022

Sambutan Hari Malaysia pada tahun 2022 adalah menjadi sambutan yang amat meriah oleh kerana ianya dapat disambut semula secara besar-besaran oleh rakyat Malaysia setelah keadaan pandemik Covid-19 di negara ini berjaya memasuki fasa pemulihan.

MALAYSIA KE ARAH PERPADUAN

TAJUK:
Pertandingan Video Kreatif
Sempena Hari Malaysia Tahun 2022

#teguhbersama
#pmbdsdihati
#politeknikmetrobetong
#mpppmbs

Peraturan & Syarat Penyertaan

Dilarang memaparkan sebarang gambar/isu yang boleh menyentuh sensitiviti sesebuah kaum.
Dilarang meniplak/ meniru idea orang lain.
Penggunaan bahasa adalah bebas. (Kalau boleh sertakan sari kata).
Video WAJIB bertemakan 'MALAYSIA KE ARAH PERPADUAN'
Penghasilan video adalah secara berkumpulan tidak melebihi 5 orang dan berdurasi sekurang-kurangnya 2-5 minit sahaja.
Suntingan video adalah mengikut kreativiti masing-masing.
Peserta dikehendaki menghantar video selewat-lewatnya sebelum tarikh tutup penyertaan (13 September 2022).
Setiap kelas WAJIB menghantar SATU video.

29 OGOS 2022
13 SEPTEMBER 2022

Submit Video melalui TELEGRAM (ASH-01140538157)

Majlis Perwakilan Pelajar MPP PMBS | mpppmbs_official | officialmpppmbs | MPP PMBS

Sempena Sambutan Hari Malaysia tahun 2022, Majlis Perwakilan Pelajar Politeknik METrO Betong Sarawak telah menganjurkan satu pertandingan video kreatif bertemakan 'Malaysia Ke Arah Perpaduan'. Pertandingan ini telah diadakan pada 29 Ogos 2022 hingga 13 September 2022 iaitu selama 2 minggu sebelum tarikh Sambutan Hari Malaysia pada 16 September.

Pertandingan ini dianjurkan bagi memupuk minat dan kreativiti di kalangan pelajar dalam mempromosi perpaduan dan semangat keluarga Malaysia melalui ICT. Selain itu, program ini juga dapat mencetus keterujaan di kalangan remaja Malaysia terhadap potensi dan peluang dalam industri kandungan kreatif.

Pertandingan ini juga mampu mencungkil bakat pelajar dalam bidang ICT dan kreativiti pelajar terhadap penyuntingan dalam menghasilkan sesebuah video. Kesedaran pelajar tentang kepentingan perpaduan dalam kalangan masyarakat yang berlainan bangsa dan agama dapat diperolehi daripada pertandingan sebegini. Ini disebabkan pelajar Politeknik METrO Betong Sarawak berasal daripada pelbagai negeri, daerah, kaum dan bangsa. Sehubungan dengan itu, suntingan video yang telah dihasilkan oleh para pelajar mampu menunjukkan bakat yang terpendam dalam penyuntingan video secara kreatif.

Dalam pertandingan ini, terdapat 3 kumpulan pelajar yang telah menerima hadiah berbentuk 'hamper' semasa Sambutan Hari Malaysia tahun 2022 di Politeknik METrO Betong Sarawak.

SEKITAR AKTIVITI



Tempat Pertama dimenangi oleh Kelas DUP 2A



Tempat Kedua dimenangi oleh Kelas DUP 4A



Tempat Ketiga dimenangi oleh Kelas DUP 5A

Majlis Perwakilan Pelajar Politeknik METrO Betong Sarawak telah bertungkus lumus bagi menjayakan program ini terutamanya dari segi masa. Hasil daripada kerjasama tersebut, seramai 9 buah kelas telah menyertai pertandingan ini iaitu kelas daripada program Diploma Pengurusan Pelancongan dan program Diploma Kewangan dan Perbankan. Kesemua video yang telah dihasilkan oleh pelajar telah dimuat naik di Youtube MPP PMBS.



(Gelagat pelajar semasa menghasilkan video)

Secara keseluruhannya, pertandingan ini dapat dilaksanakan dengan baik. Kerjasama yang baik antara Majlis Perwakilan Pelajar menambahkan lagi kelancaran aktiviti yang dirancang. Pertandingan seperti ini dapat diteruskan untuk masa akan datang untuk melahirkan pelajar yang berbakat dan mempunyai kemahiran dalam penyuntingan video.



Encik Firdaus menyampaikan ceramah kepada pelajar



Pelajar sedang tekun mendengar ceramah



Sesi soal jawab bersama pelajar sedang berlangsung

PROGRAM CERAMAH MOTIVASI PERGAULAN TUNJANG KEHARMONIAN TAHUN 2022

Program Ceramah Motivasi Pergaulan Tunjang Keharmonian telah diadakan pada 29 Ogos 2022 oleh Majlis Perwakilan Pelajar di Sri MeTro Gemilang, Politeknik MeTro Betong. Penceramah jemputan bagi program tersebut merupakan salah seorang daripada pensyarah PMBS iaitu Encik Muhammad Firdaus bin Mohd Ramlee. Program ini melibatkan semua pelajar PMBS dan ianya telah dirancang bagi memberi kesedaran diri dalam kalangan pelajar PMBS sebagai seorang yang mampu mengawal diri dalam pergaulan selaras dengan arus pemodenan ini. **Pelaksanaan program ini bertujuan untuk:**

1. Melahirkan seorang pelajar yang mempunyai sahsiah diri yang tinggi serta dapat memotivasi dan menginspirasi kepada orang lain.
2. Mewujudkan pelajar yang positif dan menjaga imej diri.
3. Memahami batas pergaulan dalam kehidupan seharian.
4. Pelajar dapat menjalinkan hubungan silaturahim dan semangat setia kawan sesama pelajar melalui pergaulan.



Para pemenang quiz ceramah motivasi.



Majlis penyampaian cenderahati kepada Encik Firdaus, selaku penceramah



FUTSAL KAIN PELIKAT | TARIK TALI
30.8.2022 - 1.9.2022

Jaguh
Semester 2022

Program Jaguh Semester ini dianjurkan untuk menyatukan pelajar melalui sukan kerana sukan dapat dilihat masih mampu menjadi landasan dalam memupuk perpaduan antara kaum malahan mengeratkan hubungan silaturahim dikalangan pelajar PMBS. Ini bukan retorik tapi satu realiti yang berlaku.



Pelajar melakukan regangan sebelum aktiviti bermula



Membantu memantapkan dan memperkukuhkan interaksi antara pelajar dan sekaligus memupuk hubungan silaturahim antara pelajar PMBS. Kegiatan sukan juga boleh memupuk sifat kesopanan, berdikari, kerajinan bekerja, berdisiplin, patuh kepada undang-undang yang boleh membentuk seorang pelajar supaya menjadi seorang insan yang berguna. Aktiviti sukan boleh memberi arah dan hala tuju kepada pelajar supaya menceburkan diri di dalam aktiviti yang berfaedah. Melahirkan pemimpin yang proaktif dalam menyusun gerak kerja secara berpasukan.

Selain itu, Sukan dapat menyatukan Pelajar PMBS kerana sukan adalah agen perpaduan. Aktiviti bersukan dapat mengeratkan hubungan silaturahim, mencungkil bakat pelajar PMBS dan pada masa yang sama menerapkan disiplin dan integriti dalam pelajar PMBS.

Di samping itu, Jaguh Semester PMBS 2022 adalah untuk meningkatkan tahap kesihatan diri secara fizikal dan juga mental di kalangan pelajar PMBS sebagai seorang insan yang sihat dan sempurna. Pelaksanaan aktiviti ini bertujuan untuk membantu membina keyakinan dan ketrampilan diri seseorang individu.

Selain itu, Jaguh Semester juga boleh menyemarakkan semangat perpaduan dalam kalangan pelajar PMBS sempena bulan kemerdekaan pada bulan Ogos.

Terdapat 2 sukan yang dipertandingkan didalam Program Jaguh Semester ini iaitu Futsal Kain Pelikat dan Tarik tali . Dua sukan ini dipertandingkan secara “kalah singkir” dalam kumpulan mengikut setiap kelas DUP & DKB semester 1 hingga 5 PMBS.

Secara keseluruhannya, program Jaguh Semester ini telah dilaksanakan dengan baik. Bukan sahaja itu, kerjasama antara pelajar PMBS, MPP dan pensyarah PMBS boleh dilihat sebelum, semasa dan selepas program ini dijalankan yang melicinkan tentative program Jaguh Semester. Program seperti ini dapat diteruskan untuk masa akan datang untuk meningkatkan kebolehan pelajar dalam bidang sukan.



Acara tarik tali antara acara yang dinantikan oleh pelajar



Acara futsal kain pelikat sedang berlangsung



PERTANDINGAN SUDUT HARI MALAYSIA! Sempena Hari Kebangsaan 2022

SYARAT & PERATURAN PENYERTAAN

- 1) Setiap rumah **WAJIB** menghantar sekurang-kurangnya 1 wakil.
- 2) Tiada had untuk penyertaan bagi setiap rumah.
- 3) Setiap peserta akan diberikan sijil penyertaan.
- 4) Pastikan peserta menghantar nama sebelum tarikh penutupan daftar iaitu pada **3-6 September 2022**.
- 5) Tempoh pertandingan adalah selama **1 minggu** pada **7-13 September 2022**.
- 6) Penilaian akan dibuat melalui gambar bilik yang diambil oleh MPP PMBS yang bertugas pada **13 September 2022**.
- 7) Jika terdapat penipuan dalam pertandingan, peserta akan tersingkir secara serta merta dan sijil tidak akan diberikan.
- 8) Peserta dilarang meminjam atau menaunkan bilik orang lain.

Untuk sebarang Penyertaan

boleh hubungi kami:

MAGRYANA (0111-6912808)



03 SEPT - 13 SEPT 2022

PERTANDINGAN SUDUT HARI MALAYSIA 2022

Program pertandingan sudut Hari Malaysia ini dianjurkan oleh Majlis Perwakilan Pelajar Politeknik METrO Betong Sarawak (MPP PMBS) yang berlangsung pada 03 September sehingga 13 September 2022 dimana setiap peserta yang menyertai pertandingan ini akan menghias sudut bilik kediaman masing-masing selama tempoh yang diberikan iaitu 11 hari termasuk tarikh pendaftaran untuk membuat persediaan.

Tujuan utama program ini diadakan adalah untuk menerapkan lagi semangat patriotik dalam diri pelajar di PMBS. Tema bagi pertandingan sudut Hari Malaysia ini adalah kitar semula dimana setiap pelajar yang menyertai pertandingan ini hendaklah menggunakan bahan kitar semula untuk menghias sudut bilik mereka. Dengan ini, pelajar di PMBS dapat mengasah bakat terpendam mereka untuk menghias sudut bilik mereka mengikut kreativiti dan idea sendiri.

Dengan adanya aktiviti ini, pelajar di kalangan PMBS akan lebih mengenali dan menghargai apa itu Hari Malaysia, kenapa negara Malaysia diwujudkan, dan bagaimana perjuangan tokoh-tokoh kita memperjuangkan dan mempertahankan negara.

Setiap penyertaan pelajar akan diberikan sijil penyertaan dan bagi yang memenangi pertandingan ini akan mendapat sijil serta hamper. Dalam pertandingan ini, terdapat beberapa perkara yang akan diambil kira untuk memenuhi syarat pertandingan dan yang paling utama peserta tidak dibenarkan untuk membangkitkan isu yang negatif dan sensatif serta boleh mencetuskan salah sangka. Selain itu, peserta hendaklah mengikuti tema seperti yang dinyatakan iaitu tema kitar semula dimana pelajar boleh menggunakan pelbagai jenis barang terpakai untuk menghias sudut bilik mereka dengan idea masing-masing.

PERTANDINGAN SUDUT HARI MALAYSIA 2022

Seterusnya, sudut bilik yang dihiaskan akan dinilai dari segi kekemasan, kreativiti, mengikut tema, dan info yang berkaitan dengan Hari Malaysia. Bagi peserta yang melanggar syarat akan dikeluarkan serta merta dari pertandingan dan sijil penyertaan tidak diberi.

Kesimpulannya, program yang dianjurkan ini dapat menambah ilmu pengetahuan dikalangan pelajar di PMBS dalam patriotik. Di samping itu, Kerjasama diantara MPP PMBS dapat ditingkatkan melalui program-program yang dianjurkan seperti ini. Program seperti ini perlu diteruskan bagi meningkatkan tahap pemahaman semangat cinta akan negara dalam kalangan pelajar PMBS.



Sekitar Aktiviti



Antara sudut pertandingan yang diubah oleh pelajar



Antara pemenang sudut Hari Malaysia

BENGKEL PERSEDIAAN MUET 2022

Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Politeknik METrO Betong Sarawak telah berkolaborasi dengan Unit Latihan & Pendidikan Lanjutan untuk melancarkan Bengkel Persediaan Muet 2022 kepada para pelajar PMBS. Bengkal tersebut telah diadakan pada 7 Oktober 2022, dari pukul 2.00 petang hingga 5.00 petang secara maya. Bengkel Persediaan MUET 2022 telah disertai oleh pelajar-pelajar Semester 1 hingga Semester 6, dari kedua-dua jurusan iaitu Diploma Perbankan dan Kewangan serta Diploma Pengurusan Pelancongan serta peserta dari luar. Bengkel persediaan MUET adalah untuk memberi keyakinan dan tunjuk ajar dalam menduduki MUET. Tambahan pula, bengkel persediaan MUET ini dapat membantu pelajar untuk mendapat band yang terbaik dalam peperiksaan MUET.

Penceramahnyanya adalah Puan Teo, dari Kolej Pendidikan Moray House di Edinburgh, Scotland pada tahun 1991 dan mula mengajar MUET pada tahun 2000. Selama bertahun-tahun, Puan Teo telah menjadi penceramah MUET di bahagian yang berlainan Sarawak.



23

CANVA STORIES



23

CANVA STORIES

CANVA STORIES

23

BENGKEL PERSEDIAAN MUET 2022

Antara objektif untuk Bengkel Persediaan Muet bagi tahun 2022 adalah:-

- Memberi peluang kepada pelajar PMBS untuk mendapatkan panduan dan maklumat terperinci tentang peperiksaan MUET.
- Mendedahkan tips dan petua dalam menjawab soalan peperiksaan MUET.
- Membina lebih kemahiran para pelajar dalam menganalisis soalan-soalan.
- Memberi pengetahuan kepada pelajar PMBS tentang cara-cara menjawab soalan MUET berdasarkan format terkini.

Secara keseluruhannya, program ini berjaya dilaksanakan dengan baik. Bengkel ini telah memberi pendedahan terhadap format dan teknik menjawab soalan sebenar peperiksaan MUET, memberikan latihan mengikut silibus MUET dan meningkatkan lagi kefahaman dan kecekapan pelajar terhadap penggunaan Bahasa Inggeris. Kerjasama diantara pelajar-pelajar PMBS dan penceramah MUET tersebut melicinkan lagi aktiviti yang dirancang. Melalui Bengkel Persediaan MUET ini, semoga pelajar-pelajar PMBS yang akan menduduki peperiksaan MUET dapat skor band yang cemerlang dan memanfaatkan tips tersebut untuk dipraktikkan pada masa yang akan datang.



Gala Night

PMBS 2022

Program Gala Night PMBS 2022 dianjurkan oleh Majlis Perwakilan Pelajar Politeknik METrO Betong Sarawak pada 1 November 2022 iaitu pada pukul 7 malam ditempatkan di Sri METrO Gemilang yang bertemakan tema Hollywood.

Majlis Perwakilan Pelajar Politeknik METrO Betong Sarawak memilih untuk mengendalikan program Gala Night PMBS ini adalah bertujuan untuk memberi penghargaan kepada para pelajar PMBS.



Selain itu, program ini dapat mendedahkan kepada para pelajar tentang kehidupan di alam pengajian tinggi ini bukanlah hanya untuk belajar perkara yang berada di dalam silibus semata-mata, ia juga terdapat pelbagai aktiviti menarik yang dianjurkan di dalam institusi ini.

Jika dilihat semula, Betong adalah pekan yang agak kecil dimana kurang tempat hiburan yang bersesuaian untuk para pelajar, jadi dengan adanya program seperti ini, pelajar dapat merehatkan minda mereka sedikit sebanyak sambil menikmati suasana majlis bersama rakan-rakan PMBS tidak kira sama ada berada di semester 1 ataupun semester 5.



Program ini juga melibatkan pelajar PMBS dari semester 1 hingga semester 5 dan juga pihak luar. Akhir sekali, dengan adanya program seumpama ini secara tidak langsung dapat mengeratkan hubungan sesama pelajar.




Terdapat pelbagai aktiviti-aktiviti yang menarik dianjurkan bagi menarik minat para pelajar untuk hadir ke majlis tersebut antaranya adalah Exchange Gift antara pihak pensyarah dan juga para pelajar, pertunjukkan persembahan nyanyian dan tarian, Tiktok Dance Bersama Tiktokfamous, permainan antara DKB dan DUP seperti Musical Chairs, Guessing Game dan Do The Opposite, sesi Karaoke, Sesi Catwalk di atas karpas merah bersama pelajar PMBS dan jamuan makan malam.



Pengalaman seumpama ini tidak akan dapat diperoleh secara teori. Semoga program ini dapat memberikan impak yang baik kepada para pelajar PMBS.

SAMBUTAN HARI MALAYSIA PMBS 2022



Tanggal 14 September 2022 menyaksikan pihak Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) PMBS mengadakan sambutan Hari Malaysia peringkat PMBS dengan penuh gilang gemilang.

Sambutan Hari Malaysia ini diadakan bertujuan bagi memupuk semangat patriotisme dalam kalangan masyarakat terutama pelajar PMBS secara keseluruhan sekaligus menghayati dan memahami sejarah penubuhan Persekutuan Malaysia demi mengekalkan Malaysia sebagai negara yang berdaulat.

Di samping itu juga, pelaksanaan program ini dapat mengukuhkan perpaduan dan keharmonian antara kaum di Malaysia. Seperti yang kita ketahui, para pelajar PMBS terdiri daripada pelbagai etnik dan kaum daripada seluruh pelusuk negara.

Hari Malaysia juga memiliki peranan besar sebagai asas pembinaan semangat kebangsaan dikalangan masyarakat.

Beberapa program seperti 'Pertandingan Sudut Hari Malaysia', 'Pertandingan Jaguh Semester' dan 'Pertandingan Video Pendek' yang

bertemakan 'Malaysia Ke Arah Perpaduan' juga telah diadakan sempena Hari Malaysia demi membina semangat kerjasama sekaligus mengeratkan hubungan baik antara pelajar disetiap semester.

Secara keseluruhannya, inisiatif barisan Majlis Perwakilan Pelajar PMBS untuk mengadakan Sambutan Hari Malaysia ini merupakan satu langkah yang amat positif serta memberangsangkan.

Kewujudan Program Hari Malaysia sebegini adalah dilihat sebagai satu keperluan kerana dapat membawa kearah mewujudkan suasana perpaduan, disamping mendedahkan para pelajar Politeknik METrO Betong Sarawak tentang semangat kerjasama serta semangat kesepaduan antara satu sama lain tidak kira dari segi kaum, bangsa, agama dan budaya yang berbeza-beza.

Disamping itu, program dan bermakna seperti ini juga membawa manfaat kepada seluruh warga PMBS bagi melahirkan generasi muda yang memiliki semangat patriotisme yang tinggi terhadap negara dan bangsa.



Tetamu program yang dihadiri oleh pensyarah, kakitangan serta pelajar-pelajar PMBS.

Gimik perasmian program di sempurnakan oleh Timbalan Pengarah PMBS, En. Mohd Shahrir Bin Ahmad Zaini.



Persembahan daripada Kelab Kebudayaan PMBS.



Persembahan nyanyian pelajar PMBS dan persembahan drama pendek Hari Malaysia.



Sesi bergambar.



Aktiviti 'Malaysia Days Countdown' diadakan pada malam Hari Malaysia.





**POLITEKNIK METRO BETONG
SARAWAK 1-12, FASA 2, BANDAR
BARU BETONG, JALAN BARU BETONG,
95700, BETONG, SARAWAK**



[HTTPS://WWW.PMBS.EDU.MY/V3/](https://www.pmbs.edu.my/v3/)



[HTTPS://WWW.FACEBOOK.COM/PMBSEDU](https://www.facebook.com/PMBSEDU)
MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR MPP PMBS



ADMINPMBS@PMBS.EDU.MY
MPPPMBS@GMAIL.COM.MY



POLITEKNIKMETROBETONG 083-472676



083-472991



MPP PMBS



OFFICIALMPPPMBS



MPPPMBS_OFFICIAL

eISSN 2948-4669



9 7 7 2 9 4 8 4 6 6 0 0 2